



Mereka 'gugur'

kerana - 2 SEP 1989
B. Harfan (M)

silap teknik

JUARA kelas B Silat Dunia 1987, Ahmad Wardi Salim dan rakan sepasukan Azam Abbas dipercayai menjadi korban kesilapan teknik dalam acara silat Sukan SEA yang berakhir kelmarin.

Akibatnya, kedua-dua pesilat itu gagal memperolehi pingat emas untuk negara dalam acara yang mereka yakin boleh mencapai kejayaan.

Oleh itu, Setiausaha Majlis Gabungan Seni Silat Melaka, Salim Kassim menyokong saranan ketua kontinjen Malaysia, Kamalul Ariffin Abdul Rahim supaya dibuat bedah siasat mengenai aspek teknikal pertandingan itu.

"Ini penting bagi memastikan kesilapan seperti ini tidak berulang," katanya mengulas kenyataan Kamalul.

Beliau berkata, adalah amat mendukacitakan setelah berlatih dan membuat persiapan kira-kira lapan bulan, dua pesilat itu terpaksa menjadi korban kesilapan teknik.

Menurutnya, pihaknya tidak mahu membuat bantahan sewaktu kejohanan demi menjaga nama baik Malaysia sebagai tuan rumah Sukan SEA.

"Bagaimanapun adalah penting pihak terbabit mengkaji semula tugas jawatankuasa teknik kejohanan bagi mengenal pasti kesilapannya dan mencari jalan mengatasinya," tegas Salim.

Beliau menyarankan pihak terbabit melihat video yang membabitkan kedua-dua pesilat berkenaan untuk kajian.

AHMAD WARDI... 'jaguh' yang gagal perolehi pingat emas.